

26 DEC 2001

Mahathir-Ulama

DR MAHATHIR NASIHATI ULAMA UTAMAKAN AGAMA DARI POLITIK

PUTRAJAYA, 26 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihati ulama yang terlibat dalam politik supaya mengutamakan ajaran Islam dan tidak menyalah tafsir ajaran agama untuk menghalalkan perbuatan mereka yang salah.

"Apabila ini berlaku kesannya terhadap agama Islam amat buruk dan kesannya terhadap orang Islam juga buruk.

"Sebab itu kita lihat (bila) ulama seperti ini mengambil bahagian dalam politik, ramai rakyat menjadi sesat, tidak patuh kepada ajaran Islam (dan) dengan mudah mereka menidakkan keIslaman orang Islam lain," kata kepada pemberita selepas rakaman perutusan Tahun Baru untuk siaran RTM di pejabatnya, di sini.

Beliau telah diminta mengulas lanjut perutusannya yang menyentuh mengenai ajaran sesat dan peranan ulama.

Perdana Menteri berkata tindakan ulama yang memberi tekanan kepada perkara yang tidak diwajibkan, dan membelakangkan perkara yang diwajibkan oleh Islam, menyebabkan umat Islam berada dalam keadaan kucar-kacir.

Dr Mahathir berkata walaupun sesetengah ulama menganggap diri mereka sebagai "pewaris nabi" tetapi bukan semua yang mendakwa diri mereka ulama itu boleh menjadi pewaris nabi.

"Sudah tentu yang diiktiraf sebagai pewaris nabi ialah mereka yang mengutamakan agama, tidak kepentingan lain. Mereka ini berhak mendakwa mereka adalah pewaris nabi," katanya.

Tetapi, katanya, apabila para ulama ini mencampuradukkan kepentingan politik ataupun kepentingan diri dengan ajaran Islam, maka mereka sudah tidak lagi menjadi pewaris nabi.

Ditanya mengenai Malaysia sebagai negara contoh Islam dunia, Dr Mahathir berkata sama ada negara boleh dikatakan negara contoh Islam ataupun tidak, terpulang kepada orang asing.

"Tetapi sekarang ramai orang asing berpendapat Malaysia merupakan negara contoh bagi negara Islam yang lain. Ini adalah suatu pengiktirafan. Kita perlu jaga keadaan supaya kita tidak lari daripada ajaran Islam," katanya.

Ditanya mengenai kebimbangan umat Islam dari negara-negara Islam untuk melawat atau berniaga di Eropah dan Amerika Syarikat berikutan serangan penganas ke atas Amerika pada 11 Sept, Perdana Menteri berkata jika ia benar, maka orang Islam ini patut melancong dan mencari peluang perniagaan di negara Islam lain.

"Kalau dahulu mereka melabur di negara lain dan mendapati mereka tidak diterima baik di negara-negara ini, mungkin mereka patut memindahkan pelaburan mereka ke negara Islam yang lain.

"Ini satu peluang, tetapi untuk menjadikannya satu kenyataan, segala usaha mesti dibuat untuk meyyusun pentadbiran negara Islam supaya mampu menerima pelancong dan pelaburan dari negara Islam yang lain," katanya.

-- BERNAMA

SR MFJ RON